

Semua kementerian diminta percepat projek pembangunan - PM

Mei 31, 2022 @ 7:58pm



(Gambar fail) Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Setiap kementerian sudah diminta mempercepatkan projek pembangunan kerana ia memberikan kesan berganda, khususnya untuk menggerakkan ekonomi akar umbi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dinyatakan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negara, pagi tadi.

"Bawah Bajet 2022, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM40.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan asas.

"Pada masa sama, kerajaan memberikan perhatian serius kepada kenaikan harga bahan binaan," katanya dalam hantaran melalui Facebook, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, intervensi segera juga akan diambil oleh agensi terbabit bagi mengawal kenaikan harga bahan binaan kerana ia memberi kesan kepada projek-projek pembangunan. – BERNAMA